

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kes jenayah yang berlaku di Dungun bermula Mei 2018 sehingga September 2019, adakah berlaku penurunan atau semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Statistik Jenayah Indeks merupakan petunjuk utama situasi jenayah semasa negara. Pengukuran Jenayah Indeks adalah mengambil kira jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai signifikansi yang memadai untuk dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada tahap jenayah disesuatu tempat. Jenayah Indeks dibahagikan kepada dua kategori, iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda.

Secara keseluruhannya Jenayah Indeks yang dilaporkan di Daerah Dungun bagi tempoh Mei 2018 hingga September 2019 berjumlah 403 kes iaitu purata 24 kes setiap bulan. Berdasarkan statistik ini, jenayah harta benda lebih banyak dilaporkan iaitu 345 kes berbanding jenayah kekerasan sebanyak 58 kes. Sepanjang tempoh Mei hingga Disember 2018, jumlah kes kekerasan yang dilaporkan adalah sebanyak 29 kes manakala jumlah kes harta benda pula adalah sebanyak 172 kes. Bagi tempoh Januari hingga September 2019 pula jumlah kes jenayah kekerasan adalah sebanyak 29 kes manakala jumlah kes harta benda adalah sebanyak 173 kes.

Jadual 1. Statistik Jenayah Indeks Daerah Dungun bagi tempoh Mei 2018 hingga September 2019:-

KESALAHAN	MEI 2018	JUN 2018	JULAI 2018	OGOS 2018	SEPT 2018	OKT 2018	NOV 2018	DIS 2018	JAN 2019	FEB 2019	MAC 2019	APR 2019	MEI 2019	JUN 2019	JULAI 2019	OGOS 2019	SEPT 2019	JUMLAH
KATEGORI KEKERASAN :																		
BUNUH	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
ROGOL	1	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	1	0	1	0	0	1	6
SAMUN BERKAWAN BERSENJATA API	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN BERKAWAN TANPA BERSENJATA API	0	1	1	0	2	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	6
SAMUN BERSENJATA API	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA SENJATA API	0	0	1	0	1	1	0	1	0	0	1	0	1	0	1	0	2	9
MENCEDERAKAN	3	0	4	2	2	3	2	2	2	0	4	4	3	2	2	0	2	37
JUMLAH	4	1	7	2	5	4	3	3	3	0	5	5	4	3	3	0	6	58
KATEGORI HARTA BENDA :																		0
CURI	9	4	7	3	9	7	5	3	4	6	6	8	4	7	7	9	10	108
CURI MOTOKAR	0	1	0	0	0	0	1	2	0	0	0	0	1	1	0	0	0	6
CURI MOTOSIKAL	2	8	15	10	7	8	8	13	9	1	4	5	6	9	6	10	4	125
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	0	0	0	0	0	0	1	1	1	0	0	0	1	0	0	0	0	4
CURI RAGUT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
PECAH RUMAH DAN CURI	5	6	4	6	5	7	7	8	7	5	10	6	3	9	7	3	4	102
JUMLAH	16	19	26	19	21	22	22	27	21	12	20	19	15	26	20	22	18	345
JUMLAH JENAYAH INDEKS	20	20	33	21	26	26	25	30	24	12	25	24	19	29	23	22	24	403

Bagi memastikan kejadian jenayah dan masalah sosial yang lain dari terus merebak dan boleh menjejaskan kerukunan dan keharmonian rakyat tempatan, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti berikut:

- a) Mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dan mengambil tindakan keras ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkaitan;
- b) Mengadakan operasi-operasi semasa ke atas tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai sarang-sarang sindiket dari masa ke semasa;
- c) Menyenerai hitam perempuan-perempuan warganegara asing yang dikenalpasti sering memasuki negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran;
- d) Mengenalpasti tempat-tempat yang sering menjadi point of entry oleh penyeludup-penyeludup yang membawa perempuan-perempuan warganegara asing untuk dijadikan pelacur dan penyeludupan dadah untuk tindakan pencegahan.
- e) Kerjasama yang erat di antara agensi-agensi penguatkuasaan lain juga memainkan peranan penting dalam membendung gejala tidak bermoral ini.
- f) mengadakan rondaan secara berjalan kaki (*Bit and Patrol*), bermotosikal (Unit Rondaan Bermotosikal) dan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasan-kawasan tumpuan ramai. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik adalah bersesuaian dengan konsep "*Police Omnipresence*" dan akan menjadi penghalang (*deterrent*) kepada penjenayah untuk melakukan jenayah;
- g) mewujudkan Unit Risikan Jenayah Bersepadu (*Central Criminal Intelligence Unit-CCIU*) dengan mengguna pakai konsep "*Intelligence lead policing*" iaitu sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah akan

SOALAN NO : 222

dibuat untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah dengan lebih efektif;

h) penguatkuasaan undang-undang seperti Kanun Keseksaan dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Untuk makluman, kesalahan-kesalahan yang telah diambil tindakan di bawah POCA adalah berkaitan kongsi gelap, pemerdagangan orang, penyeludupan migran, perjudian, maksiat dan lain-lain jenayah yang boleh menimbulkan kegusaran kepada masyarakat umum;

i) memperkenalkan satu aplikasi yang dinamakan *Volunteer Smartphone Patrol* (VSP) bagi tujuan penyaluran maklumat berkaitan jenayah. Aplikasi ini memberi kemudahan kepada pengguna telefon pintar untuk menyalurkan maklumat atau aduan dilengkapi gambar dan video. Setiap maklumat pengguna aplikasi ini dirahsiakan bagi menjamin keselamatan pengguna; dan

j) mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat kemudahan awam untuk menempatkan lebih ramai anggota Polis Bantuan di stesen-stesen khususnya di kawasan-kawasan yang berisiko dan pada waktu malam. PDRM juga turut mencadangkan supaya lampu-lampu dan pemasangan CCTV dipertingkatkan di kawasan berkenaan.